



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

17 November 2016

Khamis

*Untuk Siaran Segera*

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENERUSI  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MENGENAI  
LAPORAN PAC PROGRAM 1AZAM (AKHIRI ZAMAN MISKIN) DI BAWAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWK).**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3 di Dewan Rakyat pada 10 November 2014.
- 2) PAC Parlimen memulakan prosiding Program 1AZAM di bawah KPWK pada 24 Mac 2015 dan diikuti prosiding seterusnya pada 25 Mei 2015.
- 3) Dalam prosiding Program 1AZAM pada 24 Mac 2015, PAC Parlimen turut memanggil Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selain Ketua Setiausaha KPWK.
- 4) Hadir memberi penjelasan dalam prosiding Program 1AZAM pada 24 Mac 2015 adalah Ketua Setiausaha KPWK, Datuk Sabariah Hassan; Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Arif Ab Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Datuk Rafek Reshidullah.
- 5) Dalam prosiding Program 1AZAM pada 25 Mei lalu, PAC Parlimen memanggil Mantan Ketua Setiausaha KPWK, Datuk Seri Dr Noorul Aunur Mohd Nur dan Mantan CEO YKN, Datuk Sayed A Rahman Sayed Mohd.

6) Dalam kedua-dua prosiding yang dijalankan untuk Program 1AZAM, PAC Parlimen meneliti isu-isu berikut:

- a) Pemilihan Peserta Tidak Melalui Sistem Pangkalan Data eKasih;
- b) Tiada *Standard Operating Procedure (SOP)* Bagi Pemilihan Pembekal Barangan;
- c) Peserta Tidak Memanfaatkan Peralatan Dibekalkan;
- d) Peserta Tidak Dapat Ditemui;
- e) Pengurusan Peruntukan Yang Dikendalikan Oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
- f) Pengurusan Barangan Peserta;
- g) Tiada Harga Terperinci Barangan Yang Akan Diterima Oleh Peserta;
- h) Skop Perkhidmatan Pembekal; dan
- i) Projek Berkelompok Belum Menjana Pendapatan iaitu;
  - a) Projek Kelompok Penanaman Cili di Ketereh Kelantan;
  - b) Projek Berkelompok Chalet di Merbok, Kedah;
  - c) Projek Berkelompok Burung Walit di Bandar Baharu, Kedah.

7) Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat **RUMUSAN** terhadap Program 1AZAM di bawah KPWKM seperti berikut:

- i) Kajian terperinci tidak dilakukan sebelum bantuan diluluskan terutama bagi projek yang dijalankan secara berkelompok;
- ii) Pelaksanaan projek berkelompok juga tidak mematuhi garis panduan dan peraturan kewangan Kerajaan;

- iii) Spesifikasi peralatan yang dibekalkan kepada peserta tidak memenuhi keperluan peserta dan terdapat kelewatan dalam menyalurkan bantuan peralatan kepada peserta; dan
  - iv) Secara keseluruhan KPWK M telah mengambil tindakan terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan telah mengemaskini status dalam AG Dashboard Jabatan Audit Negara.
- 8) Berikutan itu, PAC Parlimen memberikan **SYOR** kepada Kerajaan seperti berikut:
- i) PAC Parlimen memandang serius terhadap kelemahan dalam pelaksanaan program ini yang mana menyebabkan berlakunya ketirisan. Adalah difahamkan kes ini dalam siasatan SPRM namun PAC mencadangkan agar perkara ini disiasat semula oleh pihak JPA;
  - ii) PAC menggesa Kerajaan supaya meneruskan program seumpama 1AZAM yang membolehkan rakyat berpendapatan rendah mendapat manfaat secara terus dan kajian terperinci hendaklah dilakukan sebelum bantuan diluluskan. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti memastikan setiap peserta berdaya maju dan mempunyai pengalaman serta lokasi kegiatan yang bakal mereka jalankan;
  - iii) Bagi program yang berkonsepkan kelompok, pematuhan ke atas garis panduan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani hendaklah dipatuhi. Pihak Kementerian juga perlu memantau pelaksanaannya dengan lebih berkesan agar peserta boleh mendapat hasil dalam jangka masa yang ditetapkan bagi membantu meningkatkan pendapatan mereka; dan
  - iv) Setiap peralatan yang dibekalkan kepada peserta hendaklah sesuai dengan keperluan peserta dan proses bekalan bantuan kepada peserta perlu dipercepatkan supaya mereka dapat memanfaatkan bantuan tersebut dengan segera.
- 9) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Program 1AZAM di bawah KPWK M boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).